

TPM arah audit penyelenggaraan menyeluruh PPR

Kuala Lumpur: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, mengarahkan audit penyelenggaraan menyeluruh dilaksanakan di semua Projek Perumahan Rakyat (PPR).

"Terkejut mendengar insiden lif di pangsapuri PPR Kerinchi. Semoga diberikan kesembuhan yang sempurna," katanya dalam mesej Twitter semalam.

Dr Wan Azizah turut melahirkan simpati terhadap semua mangsa.

Sementara itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan, berkata Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memanggil 11 kontraktor penyelenggaraan kira-kira 500 lif membabitkan 45 PPR Kuala Lumpur, hari ini.

Katanya, perjumpaan itu bertujuan meneliti keadaan lif dan memastikan kontraktor mematuhi

SOP penyelenggaraan lif terbabit.

"Mereka juga kena tunjukkan semua SOP dan rekod penyelenggaraan. Kalau boleh kita mahu tukar lif baharu, tetapi pada masa sama penduduk PPR kena bantu dengan membayar sewa dan kos penyelenggaraan.

"DBKL juga mengarahkan semua kontraktor penyelenggaraan lif di PPR seluruh Kuala Lumpur supaya berjaga malam ini bagi mengelak insiden sama berulang," katanya ketika melawat keadaan lif di PPR Kerinchi semalam.

Katanya, DBKL akan meneliti rakaman kamera litar tertutup (CCTV) dan buku log penyelenggaraan.

"Kita juga akan tanggung semua kos perubatan dan hospital penghuni PPR Kerinchi yang tercedera akibat kejadian ini sebab saya rasa ini adalah tanggungjawab DBKL," katanya.

"Terkejut mendengar insiden lif di pangsapuri PPR Kerinchi. Semoga diberikan kesembuhan sempurna."

*Dr Wan Azizah Wan Ismail,
Timbalan Perdana Menteri*

